

Headline	Lagi pasar tani dibuka Julai ini		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	03 Jun 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	26	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	399 cm <sup>2</sup>
Journalist	SYAIRAH ABDUL LAJIS	AdValue	RM 2,795
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,385



# Lagi pasar tani dibuka Julai ini



Nazaruddin (tiga, kanan) mengacau dodol bersama Muslim (tiga, kiri) di gerai dodol di Pasar Tani Kuala Pilah, semalam.

**Fama umum buka 'one stop centre' di Jempol**

SYAIRAH ABDUL LAJIS

KUALA PILAH

**S**ebuah pasar tani 'one stop centre' bakal dibuka di daerah Jempol bagi memberi banyak pilihan kepada pengguna untuk membeli barang keperluan harian dengan harga berpatutan.

Pengarah Fama Negeri Sembilan, Muslim Manja berkata, pasar tani tersebut bertempat di Sungai Lui, Air Hitam dan dijangka mula beroperasi awal Julai ini.

"Pemilihan tapak ini dipersejui oleh pihak pentadbir daerah Jempol dan lokasi ini sesuai bagi memberi kemudahan kepada penduduk setempat.

"Sekiranya telah beroperasi ini ia bakal memberi kemudahan kepada penduduk berhampiran seperti Kampung Baru Air Hitam, Felcras Air Hitam, Kampung Dusat, Felda Lui Barat, Felda Lui Selatan, Felda Lui Timur termasuk dari Felda Raja Alias serta Felda Pasoh 3 untuk mendapatkan barang dengan harga berpatutan," katanya.

Jelas Muslim, pembukaan tapak baharu ini sesuai dengan permintaan orang ramai yang memilih pasar tani sebagai tempat membeli barang keperluan sehari-hari dengan harga rendah iaitu lima peratus hingga 20 peratus berbanding pasaran.

"Keluasan tapak ini mampu diisi oleh 40 buah gerai namun buat masa ini kita telah menerima pendaftaran seramai 20 orang peniaga.

"Kita berharap lebih ramai lagi usahawan pasar tani yang tampil untuk memasarkan produk mereka sekaligus mampu menambah pendapatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program mengimarahkan Ramadan/pasar tani Kuala Pilah di tapak pasar tani di perkaruan Kuala Pilah.

Program dirasmikan Exco Kesenian, Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu merangkap Adun Pilah, Mohamad

info

- Penduduk di lapan kawasan dapat manfaat
- Jualan di 3 kawasan:  
1 - Pasar tani Kuala Pilah (RM454,522)  
2 - Pasar tani Giant (RM17,620)  
3 - Pasar tani Senaling (RM29,200)

Nazaruddin Sabtu.

Kata Muslim, sehingga kini Negeri Sembilan mempunyai 24 pasar tani dan penambahan tapak pasar tani setiap daerah diteruskan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan permintaan dari penduduk setempat.

Katanya lagi, pasar tani Kuala Pilah mula beroperasi pada 25 Mac 1986 dan kini menjangkau usia 32 tahun.

"Beroperasi setiap hari Sabtu bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari dan membabitkan seramai 70 orang usahawan niaga.

"Selain pasar tani Kuala Pilah, kita juga mempunyai dua lagi pasar tani di daerah ini iaitu pasar tani Senaling dan pasar tani Giant.

"Untuk rekod, nilai jualan tiga pasar tani bagi tempoh Januari hingga April ini adalah berjumlah RM501,372.

"Manakala nilai jualan 24 buah pasar tani Negeri Sembilan bagi tempoh sama RM8,782,289," katanya.

